



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KEMALANGAN MAUT MELIBATKAN 2 ORANG PEKERJA TERJATUH DI JALAN DEWAN SULTAN SULAIMAN, KUALA LUMPUR

Putrajaya, 13 Julai – Satu kemalangan maut melibatkan runtuh struktur bangunan dalam pembinaan di Jalan Dewan Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur berlaku pada jam 2.00 pagi 12 Julai 2018. Kemalangan berlaku ketika 6 orang pekerja yang sedang menjalankan aktiviti kerja konkrit di tingkat 15 bangunan. Dalam kejadian tersebut, slab konkrit beserta formwork structure telah runtuh mengakibatkan 2 orang pekerja jatuh ke tingkat tanah. Seorang mangsa telah meninggal dunia di tempat kejadian manakala seorang lagi disahkan meninggal di Hospital Kuala Lumpur.

Sehubungan dengan itu, sepasukan pegawai dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Kuala Lumpur telah mengeluarkan notis pemberhentian kerja serta merta ke atas tapak pembinaan dan menjalankan siasatan bagi mengenalpasti punca kejadian berlaku. Sehingga jam 5.00 petang tadi tiada pelaporan kemalangan dilakukan oleh pihak majikan kepada JKKP. Tindakan perundangan akan diambil sekiranya didapati terdapat pelanggaran di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (1994) dan Akta Kilang dan Jentera (1967) ke atas pihak yang bertanggungjawab

JKKP memandang serius setiap insiden dan kemalangan yang berlaku terutamanya melibatkan pekerja mahupun orang awam. Adalah menjadi tanggungjawab majikan dan juga pekerja untuk memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

###

**Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sumber Manusia**